

# KDN masih kategori KMM sebagai ancaman kepada rakyat

KUALA LUMPUR 1 Julai  
— Kementerian Dalam Negeri (KDN) masih mengkatégorikan kumpulan militan KMM sebagai ancaman kepada rakyat negara ini walaupun ramai pengikutnya telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Setiausaha Parlimen KDN, Datuk Seri Abu Zahar Ithnin berkata, justeru siasatan masih diteruskan untuk mengenal pasti saki baki pengikut kumpulan itu yang boleh menggugat ketenteraman awam.

UM 2 JUL 2002  
Tegasnya, langkah mengawasi anasir-anasir serupa kumpulan militan KMM juga diperhebatkan walaupun situasi dalam negara masa ini stabil.

“Kita sedang menyiasat perkembangan KMM supaya tidak ada pihak yang boleh meletakkan negara ini dalam keadaan tidak aman.

“Dalam memastikan keamanan negara tidak mampu diganggu gugat, ISA juga akan digunakan apabila perlu,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Beliau mengulas perkembangan siasatan kegiatan kumpulan militan KMM ekoran kenyataan Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai April lalu bahawa pihaknya masih memburu 100 orang lagi yang disyaki terbabit dalam kegiatan kumpulan itu secara langsung atau tidak.

Setakat ini, sebanyak 62 anggota kumpulan militan KMM ditahan di bawah ISA dengan tangkapan terbaru pada April lalu, melibatkan 14 orang dalam

operasi susulan memburu saki baki anasir kumpulan tersebut.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sudah menyediakan draf Kertas Putih mengenai kegiatan kumpulan militan di negara ini dan akan dibentangkan di Parlimen.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menjelaskan, ia hanya akan dibentangkan selepas semua kes mahkamah dan berkaitan dengannya diselesaikan.